

HENDAK ¹⁰ ~~10~~ ¹⁹⁸⁴ ~~1984~~

Menteri kita sudah 'nyanyuk' pun berat sangat tuduhan itu, lagi pun Datuk Sri Dr. Mahathir masih muda lagi. Hendak kata sengaja beliau tersalah cakap pun tak lojik sangat. Tapi setahu kita belum pernah berlaku lagi dalam sejarah moden seseorang manusia itu (sekalipun haji atau lebai) sanggup hendak turunkan gaji sendiri.

Kalau ada orang yang sanggup berbuat demikian, tentu ramai nanti menuduh orang itu sudah nyanyuk. Perbuatan potong gaji sendiri adalah kerja ganjil. Selama ini mana ada orang yang rela gajinya dipotong kalau kena tangguh gaji seminggu dua pun bukan main bising, inikan pula hendak potong.

Selalunya manusia tidak pernah cukup dengan duit. Biar banyak mana sekalipun gajinya, tapi hatinya tetap tidak pernah puas. Gaji \$20,000 sebulan pun masih tak pernah cukup lagi. Taukeh-taukeh lombong atau taukeh-taukeh balak ada yang berpendapatan beratus ribu ringgit sebulan, tapi nafsunya masih tidak puas lagi. Mereka masih lagi mengorek kekayaan sehingga sanggup mengorbankan kepentingan orang lain.

MEMBOLOT

Tetapi Perdana Menteri kita yang keempat ini lain dari yang lain.

MAHATHIR LAIN DARI YANG LAIN

Beliau tidak 'memandang' tembolok diri sendiri saja, beliau tidak mahu mempergunakan kuasa di tangannya itu untuk membolot harta, sebaliknya dengan gaji yang kecil itu masih dikatakannya sudah melebihi dari yang patut.

Sekarang ini hebohlah orang ramai memperkatakan fasal cadangan Perdana Menteri hendak memotong gajinya, gaji timbalannya, gaji lain-lain menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen. Bila cadangan ini dikemukakan kepada umum, ramailah yang menyambut baik ura-ura itu. Golongan yang beraja-lah benar tentulah kaum bawahan yang berpendapatan kecil.

Bagi rakyat miskin di kampung-kampung bila mendengar gaji angka ribu mulalah terbeliak biji mata. Tapi mereka tidak bandingkan lagi dengan tanggungjawab yang dipikul oleh para menteri terhadap rakyat dan negara. Sebab itu bila ditinjau pendapat orang ramai mengenai cadangan Perdana Menteri itu, mereka lekas-lekas menyokong.

Tetapi bagi kalangan cerdik pandai cadangan ini kurang bijak. Banyak kesan-kesan yang tidak baik kiranya gaji para menteri diletakkan di tahap yang rendah. Lagi-pun kalau hendak bandingkan gaji para menteri

dengan pengarah-pengarah syarikat swasta di negara ini saja pun sudah jauh bezanya.

Seorang eksekutif bank saja gajinya sama dengan menteri. Ini tidak termasuk lain-lain kemudahan, bonus dan berbagai elau lain lagi.

Bagi pengarah-pengarah firma gaji mereka senang-senang dua kali ganda dari gaji Perdana Menteri. Ini tidak dibezakan lagi dengan pengusaha-pengusaha kapal, hotel, lombong, balak dan sebagainya. Kalaupun ini pendapatan mereka tentu berganda-ganda lagi dari pendapatan para menteri yang memerintah negara.

Kita bimbang kiranya gaji para pemerintah sendiri jauh lebih rendah dari gaji rakyat jelata nanti ada kalangan yang memandang rendah terhadap pemerintah.

Sekarang ini pun ada menteri terpaksa tunduk dengan kemahuan golongan 'berduit' ini. Sering benar para menteri kita naik serba salah bila berdepan dengan masalah manusia-manusia 'berduit' ini.

Dengan duit dalam tangan mereka boleh berbuat apa saja. Mereka

juga senang-senang boleh mencebek para menteri: "Ah, buat apa jadi menteri, lagak saja lebih, tapi berapa sangat gaji mereka. Tak sampai sekerat gaji akupun..."

Perasan tinggi diri dan memandang rendah terhadap menteri dan Perdana Menteri ini boleh memberi kesan yang tak baik.

GANDA

Dengan kedudukan gaji para pemerintah yang kecil dan rendah dari para eksekutif swasta boleh menutup mata para pelabur asing. Mereka mungkinimbang untuk datang menanam modal atau melabur di sini disebabkan taraf pendapatan yang tidak tinggi. Mereka tentu fikir negara kita negara miskin sehingga gaji Perdana Menteri pun hendak dipotong!

Negara-negara asing mungkin memandang hina terhadap Malaysia dan prestij kita mungkin terjejas di mata dunia dengan kedudukan gaji para menteri yang tidak seimbang ini.

Sekarang mari kita ambil contoh, gaji Perdana Menteri kita ialah

sebanyak \$8,500, tetapi rakan sejawatnya di Singapura Lee Kuan Yew gajinya lebih kurang \$16,000. Presiden Reagan pula gajinya AS\$200,000 setahun. Bermakna kira-kira AS\$25,000 sebulan. Itu baru dikira nilai mata wang Amerika. Kalau hendak dinilai dengan wang Malaysia gaji Presiden Reagan sekarang lebih kurang \$60,000 sebulan.

Kenapa Datuk Sri Dr. Mahathir hendak bertindak demikian, sedangkan rata-rata rakan sejawatnya di lain-lain negara mendapat gaji berkali-kali ganda lagi dari gajinya, sedangkan tanggungjawab mereka tetap sama iaitu sebagai Perdana Menteri yang memerintah negara.

Lee Kuan Yew di seberang Tambak Johor pun mendapat gaji \$16,000, tapi Perdana Menteri kita yang memerintah di sebuah negara yang lebih besar cuma diberi \$8,500 saja dan inipun hendak dipotong pula!

Bagaimanapun dari cadangan Perdana Menteri ini jelas menggambarakan kelikhlasan hati seorang pemimpin yang